

MENGEMUDI JURANG BUDAYA: PENDEKATAN KONSEPTUAL KE ARAH MENDEKOLONISASI KURIKULUM LATIHAN GURU MUZIK DI MALAYSIA

NAVIGATING THE CULTURAL DIVIDE: A CONCEPTUAL APPROACH TOWARDS DECOLONIZING THE MUSIC TEACHER EDUCATION CURRICULUM IN MALAYSIA

Asyira Ismail^{1*}
Mohd Isha Awang²

¹ Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis, Malaysia

Email: asyiraismail@ipgm.edu.my

² Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia

Email: isha@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article history

Received date : 19-6-2026

Revised date : 20-6-2026

Accepted date : 25-7-2026

Published date : 1-8-2026

To cite this document:

Ismail, A., & Awang, M. I. (2026). Mengemudi jurang budaya: Pendekatan konseptual ke arah mendekolonisasi kurikulum latihan guru muzik di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (85), 117 – 123.

Abstrak: Pendidikan guru muzik masa kini bukan sahaja menuntut penguasaan teori dan praktikal, malah memerlukan kerelevanan budaya yang tinggi untuk melahirkan pendidik yang holistik. Walau bagaimanapun, dalam konteks pasca-kolonial seperti Malaysia, wujud cabaran besar untuk merapatkan jurang budaya antara paradigma muzik berpusatkan Barat dan warisan tradisional tempatan di institusi latihan guru. Kertas konsep ini mengupas isu ketidakseimbangan orientasi Maklumat Kursus (MK) pendidikan muzik yang didapati terlalu menekankan tradisi Barat, di mana ia berisiko menyekat pembentukan kesedaran budaya serta membataskan keupayaan bakal guru untuk memindahkan kemahiran pedagogi ke dalam konteks bilik darjah tempatan yang sebenar. Berlandaskan dimensi Konteks dalam Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam dan Zhang (2017) serta gagasan 'pengetahuan kandungan pedagogi' oleh Shulman (1987), makalah ini menghujahkan bahawa kerelevanan akademik di atas kertas tidak secara automatik menjamin kerelevanan budaya di lapangan. Sebagai penyelesaian, kertas ini mencadangkan satu kerangka konseptual yang bermula dengan sandaran kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Model Penilaian CIPP (Dimensi Konteks) sebagai asas penilaian. Melalui lensa ini, analisis terhadap Maklumat Kursus (MK) sedia ada dilakukan bagi mendiagnosis isu dominasi instrumen Barat seperti rekoder. Seterusnya, langkah mendekolonisasi kurikulum direalisasikan dengan menyahpusatkan muzik Barat dan mengangkat elemen warisan tempatan. Keseluruhan proses ini disasarkan bagi mencapai hasil akhir, iaitu pembentukan pendidik muzik yang responsif secara budaya. Langkah ini amat kritikal bagi menyelaraskan latihan guru dengan garis panduan kelestarian budaya oleh UNESCO (2021). Secara tuntasnya, anjakan konseptual ini bertujuan memastikan institusi pendidikan berupaya membentuk identiti profesional bakal pendidik yang bukan sahaja cekap secara teknikal, tetapi responsif secara budaya demi memelihara warisan nasional.

Kata Kunci: Pendidikan Muzik; Dekolonisasi Kurikulum; Kelestarian Budaya; Model Penilaian CIPP; Latihan Guru.

Abstract: *Contemporary music teacher education demands not only theoretical and practical mastery but also high cultural relevance to produce holistic educators. However, in a post-colonial context like Malaysia, significant challenges exist in bridging the cultural divide between Western-centric music paradigms and local traditional heritage within teacher training institutions. This conceptual paper explores the imbalance in the orientation of Course Information (CI) in music education, which is found to overemphasize Western traditions. This overemphasis risks hindering the development of cultural awareness and limiting prospective teachers' ability to transfer pedagogical skills into real local classroom contexts. Grounded in the Context dimension of Stufflebeam and Zhang's (2017) CIPP Evaluation Model and Shulman's (1987) concept of 'pedagogical content knowledge,' this paper argues that academic relevance on paper does not automatically guarantee cultural relevance on the ground. As a solution, this paper proposes a conceptual framework anchored in the National Philosophy of Education and the CIPP Evaluation Model (Context Dimension) as the basis for evaluation. Through this lens, an analysis of existing Course Information (CI) is conducted to diagnose issues regarding the dominance of Western instruments, such as the recorder. Subsequently, steps toward decolonizing the curriculum are realized by decentralizing Western music and elevating local heritage elements. The entire process aims to achieve the ultimate outcome: the development of culturally responsive music educators. This step is critical to align teacher training with UNESCO's (2021) cultural sustainability guidelines. In conclusion, this conceptual shift aims to ensure that educational institutions are capable of shaping prospective educators' professional identity, making them not only technically competent, but also culturally responsive to preserve the national heritage.*

Keywords: *Music Education; Curriculum Decolonization; Cultural Sustainability; CIPP Evaluation Model; Teacher Training*

Pengenalan

Kualiti guru secara konsisten diiktiraf sebagai penentu paling kritikal terhadap hasil pembelajaran pelajar dan keberkesanan sistem pendidikan secara global (Bautista, Yau, & Wong, 2017). Dalam mendepani cabaran pendidikan abad ke-21, peranan seorang pendidik bukan lagi sekadar penyampai maklumat, malah mereka perlu membina keluwesan profesional dan kesedaran budaya yang tinggi. Bagi pendidik muzik secara khususnya, persediaan profesional menuntut satu bentuk keseimbangan yang sangat kompleks antara penguasaan pengetahuan teori muzik, kemahiran persembahan praktikal, dan keupayaan ekspresi kreatif di dalam bilik darjah.

Di Malaysia, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) memegang mandat utama yang sangat penting dalam melahirkan pendidik muzik pelapis negara menerusi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Walaupun matlamat utama program ini adalah untuk menghasilkan guru muzik yang kompeten dan berkualiti, kelangsungan profesionalisme guru-guru ini amat bergantung kepada sejauh mana reka bentuk kurikulum latihan tersebut sejajar dengan keperluan dan konteks budaya tempatan yang autentik.

Menurut Marković dan Vučetić-Obadović (2025), komitmen profesional dan sikap bakal guru amat berkait rapat dengan persepsi mereka terhadap tahap kerelevanan latihan yang diterima

dengan amalan sebenar di lapangan. Oleh yang demikian, usaha untuk memastikan kurikulum PISMP Pendidikan Muzik menyepadukan elemen warisan kebudayaan tempatan adalah sangat penting. Langkah ini bukan sahaja bertujuan untuk memastikan bakal guru cemerlang secara akademik dan teknikal, tetapi juga bagi melahirkan warga pendidik yang relevan, responsif secara budaya, dan mampu menterjemahkan kelestarian warisan nasional ke dalam pengajaran mereka kelak.

Pernyataan Masalah

Pendidikan guru muzik di negara-negara pasca-kolonial seperti Malaysia berhadapan dengan satu cabaran yang mendalam: wujudnya jurang budaya antara paradigma muzik berpusatkan Barat dan warisan tradisional tempatan (Wong & Lum, 2021; Bradley, 2012). Terdapat satu paradoks di dalam landskap pendidikan muzik masa kini, di mana latihan pendidikan muzik lazimnya mempunyai struktur akademik yang sangat kukuh dan diintegrasikan dengan baik antara teori dan latihan praktikal. Walau bagaimanapun, kerelevanan akademik di peringkat institusi ini tidak secara automatik bermaksud ia relevan secara budaya di lapangan (Hess, 2015).

Sebagai contoh konkrit, pengajaran kemahiran instrumen di sekolah rendah masa kini masih didominasi oleh alat muzik Barat seperti rekoder sebagai instrumen standard. Justifikasi keadaan ini berlaku adalah kerana struktur kurikulum awal pasca-kolonial lazimnya mengekalkan metodologi pengajaran berpusatkan Barat yang dianggap sebagai piawaian universal (Lum & Chua, 2016; Wong & Lum, 2021). Walaupun penguasaan rekoder menepati silibus sedia ada (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013), penumpuan yang berlebihan ini menyebabkan instrumen tiupan tradisional seperti seruling bambu atau instrumen bertali seperti gambus kurang diintegrasikan sebagai alat pengajaran utama di bilik darjah.

Keterpinggiran alat-alat muzik warisan ini memberi kesan negatif yang kritikal. Ia secara tidak langsung menyekat pembentukan kesedaran identiti pendidik (Bowman, 2007) dan membatasi keupayaan guru pelatih untuk memindahkan 'pengetahuan kandungan pedagogi' mereka ke dalam konteks bilik darjah sekolah rendah yang autentik (Shulman, 1987), yang hakikatnya menuntut penguasaan elemen warisan tempatan dan bukannya bersandar semata-mata kepada tradisi repertoire Barat.

Sorotan Literatur

Kerelevanan Budaya dan Pengetahuan Kandungan Pedagogi

Gagasan Pengetahuan Kandungan Pedagogi yang diperkenalkan oleh Shulman (1987) menegaskan bahawa pengajaran yang berkesan bukan sekadar memerlukan kepakaran subjek, tetapi pemahaman yang sangat kontekstual tentang bagaimana subjek tersebut boleh difahami oleh pelajar dari latar belakang tertentu. Dalam konteks latihan guru di Malaysia, muzik tradisional merupakan salah satu komponen teras di dalam pendidikan sivik dan kesenian. Sekiranya program latihan guru mendominasi pembelajaran muzik Barat dan mengabaikan aplikasi nilai muzik tempatan, satu bentuk kecelaruan profesional akan berlaku apabila guru pelatih mula ditempatkan di sekolah-sekolah kebangsaan. Pembelajaran bermakna hanya dapat direalisasikan apabila wujud kesinambungan antara pengalaman sedia ada dan realiti persekitaran pelajar (Dewey, 1938; Kolb, 1984).

Tambahan pula, sistem pendidikan di Malaysia berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bermatlamat melahirkan insan yang seimbang dan harmonis daripada pelbagai

aspek, termasuklah emosi dan rohani yang berakar umbi dari nilai warisan masyarakat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh itu, pemindahan Pengetahuan Kandungan Pedagogi ini haruslah berlaku dalam ekosistem budaya yang dekat dengan jiwa masyarakat tempatan, dan bukannya diadaptasi secara bulat-bulat daripada model pemikiran luar..


Keperluan Mendekolonisasi Kurikulum Muzik

Seiring dengan pergerakan kesedaran kelestarian global, wujud keperluan mendesak untuk mendekolonisasi pendidikan muzik khususnya di Asia Tenggara. Tokoh akademik seperti Wong dan Lum (2021) berhujah bahawa pendidikan muzik pasca-kolonial perlu berani melakukan anjakan paradigma. Mendekolonisasi kurikulum tidak bermaksud membuang sepenuhnya muzik Barat, sebaliknya ia adalah usaha menyahpusatkan muzik Barat daripada terus dianggap sebagai satu-satunya standard tertinggi di dalam pendidikan formal (Freire, 1970). Inisiatif ini turut selari dengan gesaan dan garis panduan UNESCO (2021) untuk memelihara kelestarian dan identiti budaya bangsa melalui sistem pendidikan.

Kerangka Konseptual

Model Penilaian CIPP

Kertas konsep ini disandarkan kepada dimensi Konteks di dalam Model Penilaian CIPP yang dibangunkan oleh Stufflebeam dan Zhang (2017) bagi menilai tahap keberkesanan reka bentuk sesebuah program. Dimensi Konteks berfungsi sebagai lensa kritikal untuk mengenal pasti keperluan sebenar persekitaran sekolah tempatan, menilai aset budaya yang ada, serta mendiagnosis masalah atau kelompangan yang sedang berlaku di dalam program latihan guru. Penggunaan dimensi Konteks amat penting bagi memastikan reka bentuk pendidikan yang digubal selari dengan identiti budaya masyarakat setempat. Melalui penilaian holistik ini (Creswell & Creswell, 2018), institusi pendidikan guru dapat menilai semula sejauh mana Maklumat Kursus (MK) semasa benar-benar mempersiapkan guru pelatih untuk berhadapan dengan murid di lapangan, seperti yang digambarkan pada Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Kerangka Konseptual Dekolonisasi Pendidikan Muzik Melalui Dimensi Konteks CIPP

Sumber: Diadaptasi Daripada Stufflebeam dan Zhang (2017) serta Shulman (1987)

Mendekolonisasi Kurikulum Pendidikan Muzik Di Malaysia

Pemusatan Warisan Tempatan Sebagai Teras Kurikulum

Untuk makluman, pendedahan kepada elemen muzik tradisional hakikatnya telah pun wujud dan disenaraikan di dalam Maklumat Kursus (MK) bagi struktur program di IPGM. Instrumen-instrumen seperti gamelan, caklempong, dan kompang telah diperkenalkan kepada para guru pelatih. Walau bagaimanapun, proses mendekolonisasi pendidikan menuntut lebih daripada sekadar penyenaian topik tersebut di atas kertas. Bagi merealisasikan proses dekolonisasi kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Muzik, para pembuat dasar perlu melakukan anjakan konseptual dengan memposisikan kesenian tradisional ini sebagai falsafah teras yang mendominasi wacana pedagogi, dan bukannya sekadar subjek bagi melengkapkan syarat kredit di hujung semester.

Pendekatan menyahpusatkan muzik Barat ini tidak bermaksud nilai keilmuan Barat diketepikan secara total (Wong & Lum, 2021). Sebaliknya, ia bertujuan memberikan ruang kesaksamaan yang adil supaya amalan praktikal (seperti mengangkat seruling bambu setaraf dengan rekoder, atau gambus setaraf dengan gitar) diangkat martabatnya dalam hierarki ilmu akademik secara formal (Hess, 2015; Bradley, 2012). Jadual 1 di bawah merumuskan perbandingan konseptual ke arah mendekolonisasi pendidikan muzik:

Jadual 1: Perbandingan Paradigma Pendidikan Muzik Konvensional Dan Dekolonisasi

Aspek Penilaian	Paradigma Konvensional (Berpusatkan Barat)	Paradigma Dekolonisasi (Responsif Budaya)
Kandungan Utama	Teori, repertoire, dan alat muzik Barat (cth: rekoder) dianggap standard.	Kesenian tempatan (cth: Gamelan, Caklempong, Seruling, Kompang) diangkat setaraf.
Kerelevanan	Relevan secara akademik di peringkat institusi (IPG).	Relevan secara budaya dan praktikal di persekitaran sekolah tempatan.
Fokus Maklumat Kursus (MK)	Muzik tradisional diajar di dalam program teras (teori dan amali), namun instrumen Barat masih mendominasi sebagai standard utama pengajaran	Muzik tradisional disepadukan secara holistik dan praktikal merentas pelbagai kursus.

Sumber: Diadaptasi daripada Wong dan Lum (2021) serta Hess (2015)

Langkah strategik ini amat bertepatan dengan aspirasi kelestarian budaya melalui pendidikan yang digariskan oleh UNESCO (2021). Penyepaduan secara menyeluruh ini membolehkan guru pelatih mengaplikasikan pengetahuan kandungan pedagogi mereka dengan lebih yakin. Keterlibatan berterusan dengan bahan budaya sendiri secara langsung akan menanam nilai jati diri dalam kalangan bakal guru (Bowman, 2007), yang akhirnya akan diwariskan kepada generasi pelajar yang seterusnya.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penstrukturan Maklumat Kursus (MK) yang padat dan integrasi pengetahuan teori muzik yang cemerlang adalah tidak mencukupi sekiranya komponen kerelevanan budaya tidak dihayati sepenuhnya di dalam dewan kuliah. Merujuk kembali kepada Jadual 1, anjakan daripada paradigma konvensional kepada paradigma dekolonisasi

menuntut pemusatan semula kesenian tempatan supaya latihan yang diterima kekal relevan dengan realiti persekitaran sekolah. Proses peralihan dan dekolonisasi kurikulum ini hanya dapat direalisasikan menerusi penggabungan dua elemen asas, iaitu dimensi Konteks (Model CIPP) dan gagasan Pengetahuan Kandungan Pedagogi (Shulman, 1987).

Pertama, dimensi Konteks CIPP bertindak sebagai instrumen diagnostik yang kritis untuk menilai kelengkapan kurikulum sedia ada, membongkar isu dominasi Barat, dan mengesahkan keperluan budaya masyarakat setempat. Kedua, hasil penilaian konteks ini disokong pula oleh kerangka Shulman, yang menegaskan bahawa keberkesanan penyampaian pedagogi seseorang guru amat bergantung kepada kemampuannya menterjemahkan isi pelajaran mengikut lensa ekosistem budaya murid. Kesimpulannya, apabila dimensi Konteks digunakan untuk menyahpusatkan Maklumat Kursus (MK) berteraskan Barat, dan prinsip Shulman diaplikasikan untuk mengangkat warisan tempatan sebagai teras pedagogi, barulah proses dekolonisasi yang sejati dapat dizahirkan. Oleh hal yang demikian, Institut Pendidikan Guru perlu terus proaktif menyelaraskan pedagogi yang responsif budaya ini. Menerusi langkah ini, Malaysia berpotensi melahirkan warga pendidik masa hadapan yang bukan sahaja cekap secara teknikal, tetapi berakar umbi secara budaya untuk memelihara warisan nasional merentas zaman.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Utara Malaysia (UUM) serta Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) di atas segala sokongan fasiliti, sumber ilmiah, dan galakan moral yang telah diberikan sepanjang proses penyelidikan dan penulisan kertas konsep ini dilaksanakan.

Rujukan

- Bautista, A., Yau, X., & Wong, J. (2017). High-quality music teacher professional development: A review of the literature. *Music Education Research*, 19(4), 455–469.
- Bowman, W. (2007). Who is the "we"? Rethinking professionalism in music education. *Action, Criticism, and Theory for Music Education*, 6(4), 109-131.
- Bradley, D. (2012). Good for what, good for whom? Decolonizing music education philosophies. In W. Bowman & A. L. Freer (Eds.), *The Oxford Handbook of Philosophy in Music Education* (pp. 409-433). Oxford University Press.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Dewey, J. (1938). *Experience and education*. Kappa Delta Pi.
- Freire, P. (1970). *Pedagogy of the Oppressed*. Continuum.
- Hess, J. (2015). Decolonizing music education: Moving beyond tokenism. *International Journal of Music Education*, 33(3), 336-347.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. Prentice-Hall.
- Lum, C. H., & Chua, S. M. (2016). *Majulah! 50 years of music education in Singapore*. World Scientific.
- Marković, V., & Vučetić-Obadović, A. (2025). Attitudes of future preschool and primary school teachers in Montenegro regarding music education training. *Music Education Research*, 27(5), 495–506.
- Shulman, L. S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard Educational Review*, 57(1), 1-22.
- Stufflebeam, D. L., & Zhang, G. (2017). *The CIPP evaluation model: How to evaluate for improvement and accountability*. Guilford Publications.

- UNESCO. (2021). *Reimagining our futures together: A new social contract for education*. UNESCO Publishing.
- Wong, J., & Lum, C. H. (2021). Decolonizing music education in Southeast Asia. In R. Wright, G. Johansen, P. A. Kanellopoulos, & P. Schmidt (Eds.), *The Routledge Handbook to Sociology of Music Education* (pp. 312-325). Routledge.